

# Fahami tujuan

**UTUSAN:** Setiap tahun, menjelang kemasukan pelajar baru ke IPTA, pasti timbul isu pelajar tidak ditawarkan kursus yang dipohon, sebaliknya diberi kursus lain. Disebabkan itu, ada pelajar tidak mahu mendaftar. Boleh Datuk Seri ulas perkara ini.

**MOHAMED KHALED:** Pada tahun ini, sebanyak 105,577 pelajar diberi peluang melanjutkan pengajian di peringkat tinggi dalam negara di bawah Kementerian Pengajian Tinggi iaitu IPTA dan Politeknik, tidak termasuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Di universiti awam, jumlah pelajar yang ditawarkan program peringkat ijazah adalah 40,366 orang, program diploma (36,900) dan politeknik (28,311).

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kemasukan mereka ke universiti. Ia merupakan satu fasa kehidupan baru yang mereka akan alami. Memang persaingan untuk masuk universiti amat sengit, lebih-lebih lagi ramai yang mendapat keputusan cemerlang. Jadi, sesetengah kursus yang kritikal tidak dapat menampung semua permohonan.

Kita sedia maklum bahawa kursus perubatan, farmasi, pergigian, undang-undang, perakaunan dan kejuruteraan, tempat yang disediakan adalah terhad. Ini kerana ada syarat-syarat tertentu seperti jumlah nisbah pensyarah kepada pelajar, kurang tenaga pengajar, kos tinggi dan sebagainya. Faktor tempat yang terhad menyebabkan kita tidak dapat menerima semua permohonan, lebih-lebih lagi ramai yang cemerlang di peringkat SPM, STPM dan Matrikulasi.

Bagaimanapun, kita dapati pada tahun ini, jumlah yang memohon dan tak dapat tempat walaupun layak adalah sedikit. Daripada keseluruhan jumlah itu, bilangan mereka yang diberikan tempat adalah tinggi, misalnya 92 peratus pelajar Cina dan India mendapat tempat.

Statistik menunjukkan sebanyak 10,394 pelajar Cina yang memohon adalah layak dan daripada jumlah itu, sebanyak 9,569 (92.1 peratus) diberi tempat. Manakala pelajar India pula, jumlah yang memohon dan layak adalah 2,499 orang dan daripada jumlah itu sebanyak 2,304 atau 92.2 peratus ditawarkan tempat.

Bagi bumiputera pula, jumlah yang memohon dan layak adalah 36,341 orang dan daripada jumlah itu, sebanyak 28,633 ditawarkan tempat. Jika dilihat pada peratusan, memang jumlah itu sedikit berbanding dengan tempat yang ditawarkan kepada pelajar Cina dan India. Dalam perkara ini, peranan UiTM menjadi pengimbang iaitu apabila dicampur jumlah pengambilan pelajar bumiputera di IPTA dan UiTM, peratusannya menjadi sekitar 83 peratus.

Itu pentingnya peranan UiTM diwujudkan iaitu supaya kaum bumiputera tidak tertinggal jauh dan tidak ada jurang. Inilah yang selama ini menjadi amalan kerajaan yang diterima oleh semua rakyat Malaysia iaitu rakyat yang tidak bernasib baik dan kurang berkemampuan akan terus dibantu.

Mengenai kemasukan ke kursus kritikal seperti perubatan, farmasi dan lain-lain, ada pelajar cemerlang mendakwa tidak ditawarkan tempat, sedangkan mereka layak. Apa komen Datuk Seri?

Ramai yang tak faham kenapa seseorang pelajar cemerlang gagal mendapat tempat mengikuti kursus pilihan dalam bidang-bidang kritikal. Apa yang berlaku, semua yang mendapat keputusan cemerlang tertumpu kepada satu program sahaja dan ini menyebabkan mereka perlu bersaing sesama sendiri iaitu persaingan antara pelajar cemerlang dengan pelajar cemerlang lain.

Ada yang tidak mendapat tempat kerana mereka hanya memilih kursus dan universiti yang sama. Misalnya, seorang pelajar mahu menyambung pengajian di Universiti Malaya (UM) dan beliau pula hanya memohon satu kursus dan tidak memohon di IPTA lain.

Memang dia layak dan cemerlang tetapi itu hanya 90 peratus daripada syarat. Baki 10 peratus adalah syarat kokurikulum. Itu yang dia lemah dan itu juga yang menyebabkan dia gagal bersaing dengan pelajar cemerlang lain yang mana markah kokurikulum mereka lebih tinggi. Memandangkan tempat terhad, maka tawaran hanya diberi kepada calon yang mendapat markah paling tinggi dalam kedua-dua syarat tersebut.

## MUKADIMAH

PADA 3 dan 4 Julai ini, sebanyak 105,577 pelajar baru akan mendaftar bagi sesi pengajian Julai 2010 di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara. Wartawan *Utusan Malaysia*, ROHANA MAN dan AHMED SYAHRIL ZULKEPLY menemu bual Menteri Pengajian Tinggi, DATUK SERI MOHAMED KHALED NORDIN (gambar) mengenai kemasukan pelajar baru ke IPTA di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini.

Dalam wawancara itu, antara lain Mohamed Khaled menjelaskan kenapa UiTM perlu dikekalkan. Katanya, ia supaya kaum bumiputera tidak tertinggal jauh

Di luar negara, ada ujian kecenderungan atau ujian kemasukan ke universiti. Adakah perlu ujian seperti itu diperkenalkan di Malaysia?

Kita tidak bercadang untuk melakukan begitu. Setakat ini, hanya USM sahaja mengamalkan ujian tersebut. Tetapi secara umum, kita belum bercadang kerana rata-rata 90 peratus masyarakat menerima sistem yang ada sekarang. Kalau satu seketika kelak muncul masalah dan masyarakat serta universiti merasakan sudah sampai masa untuk tukar sistem lain, maka kita akan pertimbangkan.

Tetapi dalam soal menggunakan sistem kuota untuk membantu pelajar dari kaum Orang Asli, kita memang guna kuota. Ini kerana kita dapati jika mereka diletakkan di bawah sistem terbuka seperti sekarang, maka mereka tidak akan dapat tempat.

Justeru, keistimewaan diberi kepada mereka untuk sambung belajar. Pada tahun ini, lebih 90 peratus daripada mereka (Orang Asli) yang mohon telah diberi tempat. Dari segi jumlah, sebanyak 50 pelajar Orang Asli mendapat tempat.

Memandangkan pelajar akan memulakan hidup baru di kampus dan kebanyakan mereka tidak mempunyai pengalaman untuk menjalani kehidupan di kampus, boleh Datuk Seri beri amanat kepada mereka?

Perkara pertama yang pelajar perlu faham adalah apa tujuan sebenar dia masuk ke universiti dan apa yang patut mereka cari. Antaranya, menimba ilmu pengetahuan supaya dapat menyediakan diri untuk berhadapan dengan kehidupan yang lebih mencabar. Kesemua itu memerlukan bekalan yang penting iaitu ilmu pengetahuan.

Maka dia sepatutnya menggunakan segala peluang yang ada dan tidak menia-siakan masa sepanjang berada di universiti. Pada masa yang sama, melalui kehidupan di universiti, ia mengajar mereka untuk berdikari, selain mempunyai sikap, pemikiran dan pandangan yang betul.

Ia berbeza dengan zaman sebelum masuk universiti kerana segala kehidupan dikawal oleh ibu bapa dan peraturan di sekolah. Tetapi apabila masuk ke universiti, semua itu tidak ada lagi dan pelajar berasa bebas.

Inilah yang selalu disalah faham oleh banyak pihak bahawa berada di universiti, bermakna orang itu mesti diberi kebebasan. Kebebasan sebenar berbeza dengan yang dinyatakan dengan zaman dulu. Kebebasan yang ada di universiti adalah supaya mereka dapat mengurus diri sendiri dan berdikari.

Mengapa mereka perlu urus diri? Dia perlu mampu mengurus diri kerana apabila mereka keluar (tamat pengajian), dia perlu mampu mengurus masyarakat kerana dia adalah orang yang berilmu dan satu hari nanti akan jadi pemimpin.

Cuba kita bayangkan, jika pelajar tersebut masih dikawal ketika di universiti, dijaga dan diberi pakai uniform. Maka tentulah dia tidak tahu berdikari. Sebab itulah, pelajar diberi kebebasan supaya dia bertanggungjawab terhadap diri sendiri. Itulah makna sebenar arti kebebasan iaitu menjadi seorang yang bertanggungjawab.

Apabila mampu mengurus diri sendiri, itu tidak bermakna mereka boleh pergi demonstrasi. Itu bukan takrif kebebasan. Kebebasan yang dimaksudkan adalah supaya dia mampu mengurus diri dan berdisiplin. Apabila dia mampu mengurus diri sendiri, maka dia mesti mampu mengurus masyarakat dan itulah yang kita mahu daripada pelajar kita.

Pada masa yang sama, melalui kehidupan di universiti, ia mengajar mereka untuk berdikari, selain mempunyai sikap, pemikiran dan pandangan yang betul

# pelajar ke universiti

dan tidak ada jurang dalam pendidikan berbanding kaum Cina dan India.

Selain itu, isu Jemaah Islamiah (JI) turut menarik perhatian beliau. Dalam wawancara ini juga, beliau mengemukakan penubuhan satu jawatankuasa khas untuk menangani isu tersebut.

"Ia akan dibentuk dan perkara ini akan dilihat oleh Ketua Setiausaha Negara mengenai bila nak mulakan, siapa anggotanya dan lain-lain. Tentang anggota jawatankuasa itu, antara yang akan terlibat ialah wakil IPT, polis dan jabatan agama wilayah," ujarnya.



Di sinilah, dia belajar mengenai tanggungjawab dan di sini dia mengenali kehidupan belajar mengenai tanggungjawab dan mesti bercampur dengan semua orang kerana di sini adalah gedung ilmu, tempat berkawan dengan ramai orang serta melahirkan idea. Di sini juga, mereka patut berfikir terbuka dan perlu menjunjung ilmu sebagai sesuatu yang utama sejajar dengan nilai-nilai murni.

Melalui itu, universiti mengajar dan mendidik dia supaya menjadi seorang yang berguna dan dapat berhadapan dengan kehidupan penting yang berbeza dengan zaman sekolah. Di universiti, dia sendiri belajar maka dia dikehendaki berfikir terbuka.

Semua itu mampu untuk mengimbangi sesuatu perkara sekali yang mempertingkatkan kefahaman. Maknanya, di universiti juga, berlakunya perubahan dari segi berfikir, pergaulan dan sebagainya.

Ada pelajar yang ditawarkan masuk ke IPTA tidak datang mendaftar kerana masalah kemiskinan dan kekurangan belanja untuk datang ke universiti yang menawarkan tempat kepada mereka. Apa nasihat Datuk Seri kepada mereka?

Memang setiap pelajar yang masuk ke universiti perlu mendaftar yang mana universiti mengenakan beberapa bayaran sebagai yuran. Saya sedia maklum bahawa kadang-kadang ini menjadi penghalang kepada pelajar untuk mendaftar kerana tidak mampu.

Oleh itu, saya menggesa semua pelajar supaya tidak menjadikan perkara itu sebagai halangan. Mereka digalag pergi dahulu mendaftar. Jika mereka mempunyai masalah tidak cukup duit, mereka boleh berunding dengan pihak universiti.

Kita pun telah arahkan setiap universiti untuk mempertimbangkan setiap kes yang sebegini, lebih-lebih lagi kerana mengikut kebiasaan, semua pelajar universiti mendapat pinjaman dan soal yuran, ia boleh di-runding dan diuruskan dengan PIPTN.

Apabila mendapat pinjaman PIPTN, maknanya universiti mendapat jaminan mendapat yuran pelajar. Jadi, saya harap ini tidak menjadi halangan kepada pelajar.

Sebenarnya pelajar perlu sedar bahawa mereka amat berhasib baik dan memang menjadi matlamat kerajaan untuk memberi peluang kepada mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi melalui dasar pendemokrasian pengajian tinggi.

Kalau dibandingkan dengan zaman sebelum merdeka dulu, sekarang sudah ada 20 universiti. Maknanya peluang lebih besar dan kerajaan juga memastikan pelajar tidak teralag mendapat pengajian tinggi kerana tidak ada duit. Maka kerajaan menyediakan peruntukan PIPTN yang mana ibu bapa pelajar yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan layak memohon pinjaman zenuh termasuk kos sara hidup.

Kerajaan juga meluluskan peruntukan pinjaman sebanyak RM32 bilion kepada 1.5 juta pelajar dan mereka yang masuk pada tahun ni pula, kita sediakan RM3 bilion untuk hampir 200,000 pelajar IPT.

Kerajaan sediakan peruntukan ini memalangkan biasiswa yang ditawarkan sedikit dan ramai pelajar tidak berjaya dalam permohonan biasiswa. Maka dengan pinjaman itu, lebih ramai pelajar boleh dapat.

Tak cukup dengan itu, kerajaan juga sediakan subsidi yuran di universiti awam sehingga 93 peratus. Kalau kerajaan tak berikan subsidi itu, maka apabila pelajar menamatkan pengajian kelak, kos yang mereka perlu bayar adalah besar. Misalnya, kos sebenar mengikuti kursus perubatan di Ireland adalah RM1.4 juta seorang, manakala kos yang sama di IPTS dalam negara mencecah RM500,000.

Tetapi, kos setelah ditolak subsidi bagi mengikuti kursus perubatan di IPTA tak sampai RM200,000. Cuba kalau kita kenakan kos sebenar, memang pelajar tak mampu lebih-lebih lagi apabila tamat belajar kelak, mereka perlu bayar balik pinjaman dalam jumlah yang besar.

Begitu juga di politeknik yang mana yuran untuk diploma setahun hanya RM400 berbanding dengan kursus diploma di IPTS melebihi RM10,000. Kalau sewa asrama di politeknik, hanya dikenakan kadar bayaran sebanyak 30 sen sehari.

Apa yang dibuat oleh kerajaan adalah semata-mata nak bina upaya rakyat supaya ada ilmu kerana kita berada dalam zaman ilmu dan maklumat. Segala kemajuan dan pertumbuhan bergantung kepada ilmu yang kita kuasai. Setiap orang apabila diberi ilmu, dia berpotensi untuk buatkan sahaja memajukan diri tetapi juga menyumbang kepada kemajuan negara.

Dari segi pelajar pula, boleh Datuk Seri komen mengenai kebolehpasaran graduan yang keluar dari universiti. Mungkin ia boleh dijadikan kayu pengukur dalam menentukan Pctunjuk Prestasi Utama (KPI) sesebuah universiti.

Ada banyak cara untuk mengukur sejauh mana usaha sesebuah universiti melahirkan graduan dan salah satu daripadanya adalah untuk menentukan sama ada pelajar kita dapat bekerja atau tidak. Ia merujuk kepada kebolehpasaran pelajar.

Dalam usaha untuk tentukan pelajar mendapat pekerjaan, maka kerajaan beri penekanan terhadap meningkatkan kebolehpasaran graduan untuk tujuan tersebut. Saya mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri, apabila meletakkan soal kebolehpasaran graduan ini sebagai antara kriteria yang akan digunakan untuk KPI universiti. Apabila ia dijadikan kriteria, maka universiti mesti memberi tumpuan kepada perkara yang boleh membantu usaha ini.

Yang pertama, universiti mesti sentiasa mengkaji kurikulum yang disediakan itu sama ada sesuai termasuk kurikulum yang dikehendaki pasaran. Jangan dia (universiti) buat kursus yang sama dalam tempoh 50 tahun. Maksudnya buat kursus yang sama saja. Kedua, universiti perlu utamakan soal kepribadian pelajar. Kalau dulu masuk universiti hanya dengan satu tujuan iaitu untuk menimba, menguasai dan mendapat ilmu tetapi sekarang ini, tak cukup dengan itu.

Selain ilmu dan mendapatkan kemahiran, pembentukan peribadi penting kerana industri sekarang tidak mengambil pekerja hanya kerana dia ada ijazah kelas pertama atau kerana dia pandai. Jika dia tak tahu bergaul dan selesaikan masalah orang atau tidak bercampur dengan orang, tak ada semangat kerjasama, jadi macam mana bagus pun pencapaian akademik dia, pihak industri tidak akan ambil orang seperti itu.

Jadi, universiti perlu tingkatkan kurikulum dan kemahiran insaniah pelajar, selain

kena tingkatkan juga hubungan dengan industri agar kerjasama itu dapat melahirkan program-program yang boleh memberi pedahalan kepada pelajar bagi mencapai matlamat kebolehpasaran.

Sekarang ada ancaman Jemaah Islamiah (JI) dan baru-baru ini, Datuk Seri mengadakan perjumpaan tertutup dengan pihak polis. Boleh Datuk Seri kongsi sedikit mengenai ini?

Memang kita sedar ada usaha untuk mempengaruhi, mendapat sokongan dan merekrut pelajar IPT. Itu antara cabaran yang kita hadapi sekarang. Maka sebab itulah, universiti perlu berwaspada. Namun, keadaan sekarang tidak mendatangkan mudarat yang teruk atau mengancam keselamatan negara. Taklimat itu dibuat kerana pihak polis mahu memaklumkan kepada Kementerian mengenai gerakan yang dibuat oleh kumpulan ini. Kita mesti faham bahawa kumpulan ini tidak berhenti dan ia merupakan ancaman berterusan. IPT pula menjadi fokus mereka.

Melalui pertemuan itu, kita telah berunding tentang bagaimana kita dapat bangunkan tindakan bersama untuk menangani JI. Maka satu jawatankuasa akan dibentuk dan perkara ini akan dilihat oleh Ketua Setiausaha Negara mengenai bila nak mulakan, siapa anggotanya dan lain-lain. Tentang anggota jawatankuasa itu, antara yang akan terlibat ialah wakil IPT, polis dan jabatan agama wilayah.

Apa sahaja maklumat, orang ramai boleh menyalurkannya kepada jawatankuasa itu dan tindakan bersama boleh dibincangkan. Dengan adanya jawatankuasa itu, pemantauan akan dilakukan secara berterusan, bukannya ketika masalah muncul mengikut musim.

Dalam pengetahuan Datuk Seri, setakat mana seriusnya pergerakan JI di kampus sekarang?

Nak katakan ada JI di universiti... tidaklah tetapi kita kena faham apakah JI sebenarnya. Ia bermula dari sikap dan pandangan ekstrem dalam kefahaman mengenai agama dan sebagainya. Maka ini yang perlu dibendung kerana ia boleh menular atau membawa kepada keadaan sikap yang ekstrem.

## » BISIK-BISIK

**MENGURUS** sebuah bandar raya sebesar Kuala Lumpur bukan mudah. Selain ragam warganya, keindahan bandar raya itu harus dijagai sepanjang masa.

Sebagai sebuah kota kosmopolitan, Kuala Lumpur atau KL harus mempunyai acuannya yang tersendiri.

Tiada makna ia mempunyai bangunan-bangunan tersergam indah dan tinggi-tinggi, tanpa nilai-nilai estetik yang sebenar.

Sebagai warga kota, Awang mula merasakan KL semakin sesak, merimakan dan tiada yang istimewa.

Lebih membimbangkan, KL kini semakin muram dan lesu. Sampah-sampah tidak begitu diurus. Suasana keceriaan semakin hilang. Hairan kita, mengapa sehingga kini kawasan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, terutamanya di kawasan Chow Kit masih belum dimajukan.

Pasar besar Chow Kit yang menjadi ikon warga kota, dibiarkan begitu sahaja. Tidak pasti apa yang Datuk Bandar akan lakukan?

KL juga memerlukan lebih banyak hutan-hutan kecil semula jadi atau buatan serta dataran besar untuk dijadikan kawasan rekreasi.

Hairan juga kita mengapa pintu gerbang Penjara Pudu yang ada nilai estetikanya masih dibahaskan, sehingga ke Parlimen?

Awang harap Datuk Bandar kita mengambil iktibar daripada Sidang Kemuncak Bandar Raya Dunia di hadiri lebih 30 gabenor dan datuk bandar seluruh dunia yang berlangsung di Singapura sekarang.

Awang - Rindu kampung.

*Awang Selamat*